

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan Kementerian untuk pelaksanaan 5G.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi 5G telah mula diperkenalkan di Malaysia melalui Projek Demonstrasi 5G yang dilancarkan pada tahun 2019, di mana sebanyak 71 kes kegunaan dengan jumlah pelaburan sektor komersil bernilai RM131 juta dijalankan di 50 tapak stesen pengkalan 5G di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Projek Demonstrasi 5G ini merangkumi sembilan (9) sektor industri iaitu bandar pintar, hiburan/media, minyak dan gas, pelancongan, pembuatan dan pemprosesan, pendidikan, pengangkutan pintar, penjagaan kesihatan digital dan pertanian.

Projek Demonstrasi 5G ini adalah bagi membolehkan rangkaian dan perkhidmatan 5G yang menyeluruh dan berimpak tinggi dapat dirancang dengan mengambilkira peluasan rangkaian gentian optik dan 4G di bawah JENDELA.

SOALAN NO : 31

Bagi merealisasikan Aspirasi Negara, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang diumumkan pada 19 Februari 2021 juga telah menggariskan rancangan untuk mempercepat pencapaian Malaysia sebagai negara ekonomi maju daripada segi teknologi. Sehubungan itu, ketersediaan 5G telah dijadikan salah satu komponen utama bagi menyokong rancangan tersebut. Justeru, Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk mempercepatkan pelaksanaan 5G ke suku keempat 2021 berbanding perancangan asal pada tahun 2023. Kerajaan juga telah mengenalpasti keperluan spektrum yang berkaitan bagi membolehkan rangkaian ini dapat dibina dengan segera.

Kerja-kerja pembangunan rangkaian 5G telah pun dimulakan pada September 2021. Ketersediaan rangkaian 5G ini akan dicapai secara berperingkat bermula penghujung 2021 di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur, dan akan diperluaskan ke kawasan lain di seluruh negara bermula tahun 2022. DNB telah menasaskan sehingga 80% kawasan berpenduduk akan mendapat liputan 5G dalam tempoh 3 tahun iaitu pada tahun 2024. Jika dibandingkan dengan pelaksanaan 3G dan 4G dahulu, syarikat-syarikat telekomunikasi mengambil hampir 8 tahun untuk mencapai tahap liputan 80%. Pelaksanaan yang pantas ini akan mengurangkan risiko peluasan jurang digital dalam masyarakat.

Dalam masa yang sama, pelan JENDELA telah menasaskan peluasan jaringan gentian optik kepada 83% premis dan peningkatan liputan perkhidmatan 4G di kawasan berpenduduk kepada 96.9% pada tahun 2022. Rangkaian gentian optik dan liputan perkhidmatan 4G yang meluas ini akan mengukuhkan asas rangkaian dan membantu pelaksanaan 5G ke seluruh negara.